

## BERITAHU KAMI

Suruhanjaya Anti-Diskriminasi Queensland (ADCQ) mempunyai peranan untuk menyelidik dan berunding berhubung hal-hal yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Salah satu persoalan yang melibatkan kami adalah takat orang Arab dan Muslim yang menjalankan hidup biasa mereka menjadi sasaran permusuhan dan keganansan.

Untuk membanteras dan menyelesaikan situasi tidak sopan and kemungkinan juga salah di sisi undang-undang ini, ADCQ ingin mengetahui apa sedang berlaku dengan masyarakat am.

BERITAHU KAMI cerita anda jika anda pernah mengalami kejadian sebegini di lapangan awam (seperti semasa berjalan, semasa membeli-belah, semasa menaiki pengangkutan am, atau di tempat kerja/belajar).

Anda boleh MEMBERITAHU KAMI dalam bahasa ibunda anda dan kami akan mengurus supaya anda boleh bercakap dengan seorang penterjemah.

BEITAHU KAMI melalui :

- e-mel - kirimkan kepada [letusknow@adcq.qld.gov.au](mailto:letusknow@adcq.qld.gov.au)
- menulis surat – kirimkan kepada ADCQ, PO Box 2122, Milton Q 4064
- melalui telefon - panggil 1300 130 670 atau TTY 1300 130 680
- berhubung terus dengan kami di pejabat – panggil nombor telefon di atas untuk mencari pejabat ADCQ yang berhampiran dengan anda.

BERITAHU KAMI tentang :

- diri anda (bangsa, bahasa-bahasa yang anda boleh bercakap, jantina, umur)
- apa yang telah berlaku (di mana, bila, dan mengapa anda rasa ia telah berlaku)
- langkah-langkah yang telah anda lakukan untuk melaporkannya dan apa berlaku tentang laporan anda

### **Apa akan berlaku?**

Cerita-cerita anda akan menjadi asas perfahaman kami tentang takat di mana orang Arab dan Muslim diancam dan dihina. Maklumat dan identiti anda akan dirahsiakan. Peruntukan untuk pekerja perhubungan (*liaison worker*) di daerah di mana kejadian-kejadian ini berlaku merupakan salah satu hasil yang mungkin berlaku dari cerita-cerita anda.

### **Aduan rasmi**

Memberitahu cerita anda kepada ADCQ bukan merupakan aduan rasmi. Sila panggil ADCQ untuk memperolehi maklumat lanjut jika anda ingin membuat aduan rasmi.

PANGGIL CRIMESTOPPERS on 1800 333 000 JIKA KESELAMATAN ANDA TERANCAM.